

Komisen: Kerajaan perlu bukti

KUALA LUMPUR, SABTU

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan menyedari kemungkinan setengah-setengah guru besar menerima komisen dalam pembelian alat-alat kelengkapan sekolah, termasuk buku perpustakaan.

Bagaimanapun, tegas Perdana Menteri, kerajaan memerlukan bukti-bukti nyata seperti nama sekolah-sekolah yang berkenaan sebelum dapat bertindak sewajarnya.

"Kita sedar tentang berlakunya amalan seumpama ini di masa lalu dan kemungkinan ia masih berlaku sekarang.

"Bagaimanapun, bukti nyata diperlukan sebelum tindakan sewajarnya dapat diambil.

"Pendirian kerajaan dalam perkara ini adalah tegas.

"Kita tidak membenarkan gurubesar atau guru-guru menerima komisen atau melibatkan diri dalam perniagaan.

"Ini termasuklah menjadi wakil kepada syarikat-syarikat insurans," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan sidang Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Dalam hubungan ini, tambahnya, kerajaan amat menghargai peranan yang dimainkan oleh pihak media massa dalam menyampaikan berbagai maklumat mengenai perkara kepentingan awam kepada kerajaan.

"Di negara ini terdapat banyak sekolah dan usaha untuk bertindak terhadap mereka yang berkenaan sukar diambil tanpa bukti-bukti yang nyata," tambahnya.

Selanjutnya Perdana Menteri menggesa pihak media massa agar berperanan lebih penting sebagai "mata dan telinga" kerajaan.

"Usaha mengatasi masalah sekolah-sekolah yang dilaporkan retak dalam sebuah akhbar tempatan hari ini akan dapat dijalankan segera, jika kita mengetahui di mana letaknya sekolah-sekolah berkenaan.

"Kita boleh menghantar simen dengan segera untuk membaiki kerosakan itu.

"Kita mempunyai bekalan simen yang cukup untuk tujuan ini," katanya sambil tersenyum.

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir menambah kerajaan telahpun menandatangani perjanjian dengan Britain bagi pembelian 51 buah kereta kebal jenis Scorpion (Jengking) dan kereta perisai pengangkut tentera bernilai kira-kira \$100 juta.

Bellau menjelaskan perjanjian itu dibuat sebelum arahan kerajaan awal Oktober lalu mengenai barang-barang British.

"Kerajaan harus menepati janji membeli kereta kebal-kereta kebal itu kerana kontraknya ditandatangani sebelum pengumuman arahan tersebut dibuat."